




**SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2019**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
EKONOMI
Kertas 1 / Set 1**

3767/1

1 1/4 jam

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia
 - A menyelesaikan masalah asas ekonominya
 - B mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat
 - C memenuhi kehendak berdasarkan sumber yang dimiliki
 - D menyeimbangkan jurang antara golongan kaya dan miskin
- 2 Pernyataan manakah yang merujuk kepada masalah kekurangan yang dihadapi oleh firma?
 - A Encik Muhammad seorang tukang masak profesional sukar mendapatkan pisau pemotong daging yang berkualiti.
 - B Puan Melor mengambil tempahan pakaian di rumah tidak dapat menyiapkan tugas kerana masa yang suntuk.
 - C Cik Zahra yang mengajar tuisyen persendirian gagal mendapatkan pinjaman untuk menambah perabot kelas.
 - D Encik Anuar belum menjelaskan yuran pengajian anaknya di sebuah kolej swasta terkemuka.
- 3 Andaian yang digunakan untuk membina sebuah keluk kemungkinan pengeluaran ialah
 - I Tiada pengangguran di dalam ekonomi
 - II Ekonomi mengeluarkan barang
 - III Tingkat teknologi semakin berkembang
 - IV Sumber ekonomi tetap dan terhad
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Rajah di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah firma.



Firma mengubah kombinasi keluaran daripada T kepada S. Ini menunjukkan

- A berlaku kos lepas terhadap pakaian
- B permintaan makanan berkurang
- C bilangan buruh yang digunakan tetap
- D kombinasi T adalah tidak cekap

- 5 Maklumat berikut mengenai penyelesaian masalah asas ekonomi.

Teknik pengeluaran yang digunakan membolehkan pengeluaran dilakukan dengan cepat dan golongan kaya berupaya memperoleh lebih banyak barang berbanding golongan miskin.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan?


- A Apakah barang yang hendak dikeluarkan
- B Berapa barang hendak dikeluarkan
- C Bagaimana barang dikeluarkan
- D Untuk siapa barang dikeluarkan

- 6 Maklumat di bawah berkaitan dengan sistem ekonomi yang diamalkan di negara R dan negara S.

Negara R	Negara S
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Faktor pengeluaran milik individu dan firma ▪ Persaingan bebas dalam kalangan pengeluar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Faktor pengeluaran milik individu, firma dan kerajaan ▪ Persaingan bebas dalam kalangan pengeluar tetapi tertakluk kepada undang-undang


Apakah persamaan sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

- A Kebajikan masyarakat terpelihara
- B Pengguna mempunyai banyak pilihan
- C Penyediaan barang awam untuk rakyat
- D Berlaku pengeluaran secara berskala besar



**YAYASAN
PAHANG**

- 7 Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul berkaitan keluk di atas.


- A Peratus perubahan kuantiti melebihi peratus perubahan harga.
 - B Harga turun RM12 kuantiti bertambah sebanyak 12 unit.
 - C Barang tersebut tidak responsif dengan perubahan harga
 - D Apabila harga naik 1%, kuantiti diminta turun 0.2%
- 8 Pernyataan manakah yang menerangkan mengenai barang pengganti?
- A Barang yang mesti digunakan bersama - sama
 - B Contoh barang adalah nasi lemak dan sambal bilis
 - C Penggunaan barang memberikan kepuasan yang sama
 - D Hubungan negatif harga barang dengan permintaan pengganti

9 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan.


Kerajaan telah meluluskan Bantuan Khas Tahun 2018 sebanyak RM500 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi menghargai khidmat bakti penjawat awam.

Rajah manakah yang menunjukkan kesan peristiwa di atas terhadap permintaan barang?


A Harga (RM)




B Harga (RM)



C Harga (RM)



D Harga (RM)




10 Jadual di bawah menunjukkan penawaran biskut pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM/ tin)	Kuantiti ditawar (tin)
10	210
12	220
14	220

Apakah yang boleh dilakukan oleh syarikat untuk memperbaiki keadaan di atas?

- I. Membeli mesin yang canggih
 - II. Memberi bonus kepada pekerja
 - III. Menghasilkan biskut yang sedap
 - IV. Menggunakan buruh yang murah
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV



11 Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti ditawar terhadap penghawa dingin.

Bulan	Harga Seunit (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
Januari 2019	150	5 000
Mac 2019	150	8 000

Faktor manakah yang mempengaruhi keadaan tersebut?

- A Pengguna semakin suka menggunakan alat tersebut
- B Kerajaan memberi Bantuan Khas penjawat awam
- C Berlaku fenomena El Nino di dalam negara
- D Penggunaan buruh mahir yang ramai

12 Maklumat berikut berkaitan penawaran ayam dan daging di dalam negara.

KUALA TERENGGANU – Cuaca panas melampau berikutan fenomena El Nino menyebabkan ramai pemborong ikan terpaksa menjual ikan sejuk beku memandangkan bekalan ikan segar semakin berkurangan di perairan Terengganu. Ramai pembeli merungut dan kebanyakannya mengambil alternatif lain untuk memaksimumkan kepuasan.

Ubahsuai : Bernama, 21 Mac 2016

Permintaan barang di atas anjal disebabkan oleh

- A faktor jangkama
- B bilangan kegunaan
- C kepentingan barang itu
- D bilangan barang pengganti

13 Jumlah hasil firma dapat ditingkatkan dengan cara

- I menaikkan harga barang
 - II menambah kuantiti jualan
 - III menggunakan buruh mahir
 - IV memperbanyakkan mesin canggih
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 14 Pilih pasangan yang betul berkaitan fungsi wang dan penyelesaian masalah sistem barter

	Fungsi wang	Masalah sistem barter
A	Alat perantaraan pertukaran	Pembahagian barang ke dalam unit kecil tidak dapat dilakukan
B	Alat ukuran nilai	Barang tidak tahan lama
C	Alat simpanan nilai	Tiada kehendak serentak
D	Alat bayaran tertunda	Kesukaran menjalankan urusniaga kredit

- 15 Manakah di antara berikut merupakan pekerjaan di sektor kedua?
- A Jurucakap produk kecantikan
 - B Operator kren berteknologi tinggi
 - C Penulis blog berkaitan kejuruteraan
 - D Pegawai akuakultur yang berpengalaman
- 16 Manakah di antara berikut merupakan kelebihan kaedah pembayaran secara kredit?
- A Peluang menikmati lebih banyak diskaun
 - B Dapat berbelanja melebihi pendapatan
 - C Harga barang menjadi lebih murah
 - D Kepuasan maksimum dapat dicapai

17 Manakah merupakan kelebihan pelaburan?

- A Bebas risiko
- B Pulangan tinggi
- C Mendapat faedah
- D Dijamin oleh kerajaan

18 Jadual di bawah berkaitan keluaran, kos tetap dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos Tetap (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	110	110
1	110	150
2	110	190
3	110	210

Pilih pernyataan yang betul berkaitan firma tersebut.

- I Firma beroperasi dalam jangka panjang
 - II Penggunaan input berubah sifar oleh firma
 - III Kos marginal firma semakin menurun
 - IV Tanpa keluaran firma masih menanggung kos
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Seorang pendeposit yang menukarkan akaun tabungannya kepada akaun simpanan tetap akan menikmati
- kadar faedah yang tinggi
 - kad juruwang elektronik
 - kebebasan menggunakan cek
 - kemudahan pengeluaran wang melebihi baki

- 20 Jadual di bawah menunjukkan input dan keluaran sebuah firma.

Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
2	6
4	20
9	45
11	53
14	62

Berapakah keluaran sut firma bagi input berubah yang ke 11?

- 3.0
 - 4.0
 - 5.0
 - 8.0
- 21 Manakah di antara berikut merupakan potongan wajib?
- Bayaran zakat
 - Premium insurans
 - Potongan tabung haji
 - Caruman koperasi

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan yang berlaku terhadap pemilikan suatu barang.

RUMAH KOS RENDAH



RUMAH BANGLO

Mengapa perubahan di atas berlaku?

- A Untuk meneruskan kehidupan
- B Harga dikawal oleh kerajaan
- C Pilihan barang yang terhad
- D Pengaruh pendapatan yang diterima

- 23 Produktiviti berlaku apabila firma berupaya meningkatkan keluaran dengan cara

- A menambah kos pengeluaran
- B menggunakan buruh sedia ada
- C menggunakan teknologi canggih
- D memanjangkan tempoh pengeluaran

- 24 Apakah kos sosial yang timbul apabila pembekuan lesen perlombongan bauksit ditarik balik?

- A Pembinaan jalan baharu ke pelabuhan
- B Pertambahan bilangan lori di tapak kerja
- C Peningkatan bil perubatan penduduk setempat
- D Peluang pekerjaan pelbagai bidang bertambah

- 25 Gambar di bawah merupakan sejenis perkhidmatan yang terdapat di dalam ekonomi.



Mengapakah perkhidmatan tersebut disediakan?

- A Menambah pendapatan negara
- B Mewujudkan monopoli semulajadi
- C Menjaga kebajikan masyarakat
- D Memberi pilihan kepada rakyat

- 26 Maklumat di bawah berkaitan unjuran KDNK Malaysia.

Bank Dunia naikkan unjuran KDNK Malaysia 2018 kepada 5.4%

Sumber : Berita Harian Online 12 April 2018

Mengapakah keadaan di atas berlaku?

- A Peningkatan pembentukan modal tetap kasar
- B Peningkatan pelaburan awam
- C Kenaikan permintaan import
- D Kenaikan kadar inflasi

27. Pemanjangan tempoh bayaran balik pinjaman pada masa deflasi akan menyebabkan

- A kuasa beli pengguna naik
- B tabungan isi rumah meningkat
- C penawaran barang semakin banyak
- D keupayaan bank mencipta kredit bertambah

28 Peningkatan indeks harga pengguna membawa kepada kenaikan

- A kuasa beli
- B taraf hidup
- C nilai wang
- D kadar inflasi

29 Inflasi tarikan permintaan berlaku apabila

- A kos pengeluaran bertambah
- B harga barang dari luar negara naik
- C pekerja menikmati bonus berganda
- D pengangguran dalam negara tinggi

30 Perlaksanaan cukai progresif bertujuan untuk

- A meningkatkan hasil negara
- B merapatkan jurang pendapatan
- C mengawal eksternaliti negatif
- D mengurangkan barang import

31 Maklumat di bawah berkaitan sejenis pengangguran.

Isu pengangguran terutama melibatkan graduan bukan kerana kekurangan pekerjaan tetapi berpunca daripada sikap terlalu memilih pekerjaan dan tidak bersedia mempelajari kemahiran baharu terutama yang di luar bidang pengajian mereka.

Ubahsuai : Utusan Borneo Online 6 Mei 2017

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan pengangguran di atas?

- A Bersifat jangka panjang
 - B Berlaku kemelesetan ekonomi
 - C Peralihan pekerjaan akibat kehausan sumber asli
 - D Peluang mendapat gaji yang tinggi menjadi keutamaan.
- 32 Manakah yang merupakan kesan negatif daripada globalisasi?
- A Kadar pengangguran berkurang
 - B Taraf hidup masyarakat menurun
 - C Kurang daya saing industri tempatan
 - D Kejatuhan nilai matawang negara
- 33 Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dilakukan dengan tujuan untuk
- A menarik pelaburan asing langsung ke negara anggota
 - B mengurangkan pengangguran dalam kalangan negara anggota
 - C memperoleh barang dagangan dari negara maju dengan lebih murah
 - D mewujudkan monopoli dalam pengeluaran barang di negara anggota

34 Maklumat di bawah berkaitan guna tenaga di Malaysia mengikut sektor.

SEKTOR	TAHUN (peratus)				
	1980	1990	2000	2010	2014
Pertanian	39.7	26.0	16.7	13.6	12.3
Perlombongan	1.7	0.6	0.3	0.5	0.6
Pembuatan	15.7	19.9	23.5	17.7	16.7
Pembinaan	5.6	6.3	8.2	9.1	9.1
Perkhidmatan	37.4	47.2	51.3	59.1	61.3

Sumber : Kementerian Kewangan, Laporan Ekonomi 2015/2016

Pilih pernyataan yang berkaitan gunatenaga di atas.

- A Sumbangan sektor perlombongan kepada gunatenaga Malaysia menunjukkan tren semakin menurun.
- B Sektor perkhidmatan mengalami peningkatan guna tenaga sebanyak 23.9 peratus sepanjang tempoh tersebut.
- C Sektor pembinaan menunjukkan tren yang semakin meningkat.
- D Sektor pembuatan mengalami pertambahan guna tenaga tertinggi pada tahun 2000.

35 Maklumat berikut berkaitan suatu jenis sekatan perdagangan antarabangsa.

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bertanggung jawab memastikan produk makanan di pasaran tempatan dan diimport mematuhi Akta Makanan 1983.

Apakah bentuk sekatan perdagangan di atas?

- A Tarif
- B Kuota
- C Eembargo
- D Sekatan bukan ekonomi

36. Faktor manakah yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing?

- A Citarasa pengguna terhadap barang import
- B Membayar balik pinjaman luar negara
- C Peluang pelaburan di negara lain
- D Membaiayai import

Soalan 37 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

37. I Pemegang akaun tabungan diberikan faedah.
 II Semakin lama simpan semakin tinggi kadar faedah yang diberi.
38. I Barang yang mempunyai permintaan anjal, beban cukai yang ditanggung oleh pengguna lebih besar berbanding pengeluar.
 II Beras merupakan barang yang mempunyai permintaan anjal.
39. I Indeks harga pengguna dapat digunakan untuk mengesan masalah inflasi.
 II Inflasi merupakan kenaikan tingkat harga umum secara berterusan.
40. I Permintaan yang tinggi terhadap import menyebabkan berlaku lebihan akaun semasa.
 II Akaun semasa merekodkan nilai eksport dan import barang serta perkhidmatan dan pendapatan.

KERTAS SOALAN TAMAT.